



**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAMBAHAN KEPADA**  
**WARTA KERAJAAN**

**BAHAGIAN II**

**Disiarkan dengan Kebenaran**

**SUPPLEMENT TO**  
**GOVERNMENT GAZETTE**

**PART II**

**Published by Authority**

Bil. S 35

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH PEMINDAHAN BANDUAN ANTARABANGSA, 2011**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Pengeunaan.

**BAHAGIAN II**

**PEMINDAHAN BANDUAN**

4. Persetujuan untuk memindahkan.
5. Syarat-syarat pemindahan.

**BAHAGIAN III**

**PEMINDAHAN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Permintaan bagi pemindahan.
7. Pembatalan waran.
8. Kesan pemindahan.
9. Bukti berdokumen.
10. Penahanan banduan pindahan.
11. Parol dan pengampunan.

**BAHAGIAN IV**

**PEMINDAHAN DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

12. Banduan asing.
13. Pemindahan banduan asing dari Negara Brunei Darussalam.

**BAHAGIAN V**

**AM**

14. Banduan dalam jagaan sah semasa pemindahan.
15. Penamatan hukuman.
16. Kos pemindahan banduan.
17. Transit.
18. Peraturan-peraturan.

**JADUAL**

---

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEMINDAHAN BANDUAN ANTARABANGSA, 2011

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk melaksanakan Skim Pemindahan Pesalah-Pesalah Yang Telah Disabitkan di dalam Komanwel dan untuk memudahkan pemindahan banduan-banduan di antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara yang ditetapkan di dalam atau di luar Komanwel yang dengannya Negara Brunei Darussalam telah membuat perjanjian bagi tujuan pemindahan banduan-banduan supaya banduan-banduan itu boleh menjalani hukuman penjara di negara kerakyatan mereka atau di negara atau wilayah di mana mereka mempunyai pertalian masyarakat yang rapat".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"perjanjian" termasuk suatu triti yang telah dibuat dengan sebuah Negara asing bagi pemindahan banduan;

"negara" termasuk wilayah;

"negara yang ditetapkan" bermakna sebuah negara yang ditetapkan menurut bab 3(1);

"Negara asing" termasuk sebuah negara Komanwel yang belum memberitahu Setiausaha Agung Komanwel bahawa negara itu telah menggubal undang-undang untuk menguatkuasakan Skim itu;

"hukuman penjara" termasuk —

(a) penahanan seseorang kanak-kanak atau orang muda di suatu tempat tahanan yang disebut dalam bab 51 dari Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006 (S 9/2006);

(b) penahanan atau pengurangan berikutan dengan suatu perintah yang dikeluarkan menurut bab-bab 317 atau 321 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7); atau

(c) apa-apa bentuk penyekatan kebebasan lain yang seumpamanya yang dikenakan di sebuah negara yang ditetapkan,

tetapi tidak termasuk, di Negara Brunei Darussalam, mana-mana orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (Penggal 133), Akta Undang-Undang Jenayah (Tahanan kerana Keselamatan) (Penggal 150) atau sebarang undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan tahanan kerana keselamatan;

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;

"banduan" bermakna mana-mana orang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan dan dijatuhi hukuman penjara di Negara Brunei Darussalam atau di mana-mana negara yang ditetapkan;

"pihak berkuasa yang bertanggungjawab"—

(a) bermakna orang yang bertanggungjawab di bawah undang-undang di sebuah negara yang ditetapkan bagi melaksanakan pemindahan banduan ke dan dari negara itu; dan

(b) termasuk seseorang yang kepadanya kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa orang itu telah diwakilkan secara sah;

"Skim" bermakna Skim Pemindahan Pesalah-Pesalah Yang Telah Disabitkan di dalam Komanwel;

"pemindahan" bermakna pemindahan seseorang banduan —

(a) dari sebuah negara yang ditetapkan ke Negara Brunei Darussalam; atau

(b) dari Negara Brunei Darussalam ke sebuah negara yang ditetapkan.

(2) Dalam menentukan sama ada atau tidak seseorang itu mempunyai pertalian rapat dengan sebuah negara, Menteri hendaklah mengambil kira —

(a) sama ada atau tidak dia dilahirkan di negara itu atau dari keturunan orang yang dilahirkan di negara itu;

(b) sama ada atau tidak dia telah tinggal di negara itu dan, jika demikian, berapa lama;

(c) sama ada atau tidak dia mempunyai mana-mana saudara kerana kelahiran atau perkahwinan di negara itu dan, jika demikian, tahap hubungan;

(d) apa-apa pertalian kebudayaan atau keagamaan yang mungkin dipunyainya dengan negara itu.

#### Pengenaan.

3. (1) Jika suatu perjanjian telah, atau dianggap telah, dibuat di antara Negara Brunei Darussalam dan sebuah Negara asing bagi pemindahan banduan atau pelaksanaan hukuman, maka Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan negara itu sebagai sebuah negara yang dikenakan Perintah ini, tertakluk kepada ceraiian (2).

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah ceraiian (1) boleh membuat peruntukan bahawa Perintah ini dikenakan berhubung dengan negara itu tertakluk kepada batasan-batasan, syarat-syarat, kecualian-kecualian, penyesuaian-penyesuaian, pengubahsuaian-pengubahsuaian atau peruntukan-peruntukan lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Jika sebuah negara Komanwel memberitahu Setiausaha Agung Komanwel bahawa negara itu telah menggubal undang-undang untuk menguatkuasakan Skim itu, maka pemberitahuan itu hendaklah dianggap sebagai suatu perjanjian yang dibuat di antara Negara Brunei Darussalam dan negara itu.

(4) Bagi maksud bab ini, kerajaan sebuah negara yang ditetapkan boleh meminta atau memberitahu Setiausaha Agung Komanwel bahawa sebuah wilayah yang hubungan luarnya adalah menjadi tanggungjawab negara itu disifatkan sebagai —

(a) sebahagian dari negara itu; atau

(b) sebuah negara berasingan.

(5) Perintah ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana banduan yang telah pun menjalani hukuman penjara pada tarikh apabila peruntukan-peruntukannya diperluaskan, menurut bab ini, kepada negara di mana dia adalah warganegaranya.

## BAHAGIAN II

### PEMINDAHAN BANDUAN

#### Persetujuan untuk memindahkan.

4. Jika seseorang banduan dipohonkan untuk dipindahkan di bawah Perintah ini, persetujuannya terhadap pemindahan itu mestilah diperolehi dengan serta-merta tertakluk kepada bab 5.

#### Syarat-syarat pemindahan.

5. (1) Tertakluk kepada ceraiian (2), tiada banduan boleh dipindahkan di bawah Perintah ini melainkan jika –

(a) dia adalah seorang warganegara, biasanya bermastautin di, atau mempunyai pertalian rapat dengan, Negara Brunei Darussalam atau negara yang ditetapkan yang kepadanya atau darinya dia akan dipindahkan;

(b) penghakiman yang mengenakan hukuman yang sedang dijalannya adalah suatu penghakiman muktamad;

(c) pada masa permintaan untuk pemindahan itu diterima, dia masih ada tidak kurang dari 6 bulan hukuman untuk dijalani atau hukuman itu adalah bagi tempoh yang tidak ditentukan;

(d) dia bersetuju dengan pemindahan itu atau, jika dia tidak berupaya bertindak untuk dirinya sendiri kerana keadaan fizikal atau mentalnya atau kerana dia orang muda, seseorang yang menjadi penjaga atau wakilnya yang sah bersetuju bagi pihaknya;

(e) Negara Brunei Darussalam dan juga negara yang ditetapkan bersetuju dengan pemindahan itu.

(2) Dalam hal-hal yang luar biasa, pemindahan boleh dipersetujui jika tempoh yang akan dijalani oleh banduan itu adalah kurang dari 6 bulan.

BAHAGIAN III

PEMINDAHAN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Permintaan bagi pemindahan.

6. (1) Jika Menteri telah diberitahu oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab di sebuah negara yang ditetapkan bahawa —

(a) seorang banduan telah memohon pemindahan ke Negara Brunei Darussalam dan bahawa negara itu telah bersetuju dengan pemindahan tersebut; atau

(b) negara itu meminta pemindahan tersebut dan banduan itu bersetuju dengannya,

maka Menteri hendaklah, setelah berunding dengan Peguam Negara dan tertakluk kepada bab 5, memutuskan sama ada atau tidak dia bersetuju dengan pemindahan tersebut.

(2) Menteri tidak akan, kecuali dalam hal keadaan yang luar biasa, memersetujui pemindahan jika hukuman yang masih dijalani adalah kurang dari 6 bulan.

(3) Menteri hendaklah —

(a) memberitahu pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara yang ditetapkan mengenai keputusannya; dan

(b) jika dia bersetuju dengan pemindahan itu, mengarahkan supaya suatu waran dalam Borang 1 dalam Jadual dikeluarkan bagi tujuan itu.

(4) Menteri boleh, apabila menerima suatu permohonan di bawah cerai (1), menghendaki negara yang ditetapkan supaya memberikan kepadanya apa-apa keterangan yang dikehendakinya untuk menunjukkan bahawa —

(a) banduan itu telah memohon atau bersetuju dengan pemindahan tersebut; atau

(b) jika pada pendapat Menteri bahawa banduan itu tidak berupaya bertindak untuk dirinya sendiri kerana keadaan fizikal atau mentalnya atau kerana dia orang muda, seseorang yang menjadi penjaga atau wakil banduan itu yang sah telah membuat permohonan atau telah bersetuju dengan pemindahan itu bagi pihaknya.



(5) Jika seseorang banduan memohon secara bertulis kepada Menteri bagi pemindahan ke Negara Brunei Darussalam, Menteri hendaklah, setelah berunding dengan Peguam Negara, memutuskan sama ada atau tidak suatu permintaan bagi pemindahan dibuat kepada negara yang ditetapkan.

(6) Menteri tidak akan, kecuali dalam hal keadaan yang luar biasa, membuat permintaan bagi atau bersetuju dengan pemindahan, jika banduan itu masih mempunyai tempoh hukuman yang dijalaninya kurang dari 6 bulan.

(7) Jika negara yang ditetapkan yang kepadanya Negara Brunei Darussalam telah membuat permintaan bersetuju dengan pemindahan itu, Menteri hendaklah mengeluarkan suatu waran dalam Borang 2 dalam Jadual bagi tujuan pemindahan itu.

(8) Suatu waran yang dikeluarkan di bawah cerai-an-ceraian (3) atau (7) hendaklah, tertakluk kepada Perintah ini, membenarkan —

(a) pemindahan banduan itu dari negara yang ditetapkan ke Negara Brunei Darussalam;

(b) pemindahan banduan itu oleh seseorang yang diberi kuasa ke suatu tempat tahanan sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam waran itu; dan

(c) penahanan banduan itu menurut peruntukan yang terkandung dalam waran itu, iaitu peruntukan-peruntukan yang pada pendapat Menteri bersesuaian untuk menguatkuasakan penyusunan yang menurutnya banduan itu dipindahkan.

(9) Dengan tidak menghiraukan cerai-an (1), jika seseorang warganegara Negara Brunei Darussalam, setelah dituduh melakukan suatu kesalahan di sebuah negara yang ditetapkan, telah —

(a) diperintahkan oleh mahkamah negara itu supaya ditahan kerana dia telah didapati hilang akal dan tidak layak untuk dibicarakan atau seorang pesalah yang sakit otak atau cacat otak; atau

(b) didapati melakukan kesalahan itu tetapi hilang akal pada masa kesalahan itu dilakukan,

maka orang itu boleh dipindahkan ke Negara Brunei Darussalam atas permintaan pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara itu dan dengan persetujuan Menteri atau atas permintaan Menteri dan dengan persetujuan pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara itu.

{10} Suatu permohonan di bawah cerai-ceraian (1) atau (5) atau suatu permintaan di bawah cerai (9) hendaklah disertakan dengan butir-butir yang berikut —

(a) nama, tempat dan tarikh lahir atau, jika tarikh lahir tidak diketahui, anggaran umur banduan itu;

(b) alamat banduan itu, jika ada, di Negara Brunei Darussalam;

(c) satu salinan yang diperakui bagi penghakiman atau perintah lain mahkamah, berserta dengan satu salinan undang-undang yang atasnya ia didasarkan atau suatu pernyataan mengenai undang-undang itu;

(d) suatu pernyataan mengenai fakta-fakta dan hal keadaan yang atasnya sabitan dan hukuman atau perintah lain didasarkan;

(e) jenis hukuman, jika ada, tarikh hukuman itu bermula dan tempohnya;

(f) jika berkenaan, sebarang laporan perubatan atau laporan lain mengenai banduan itu, termasuk suatu laporan mengenai rawatannya di negara yang ditetapkan berserta dengan sebarang sokongan bagi rawatan lanjut di Negara Brunei Darussalam;

(g) suatu dokumen atau pernyataan yang menunjukkan bahawa banduan itu adalah seorang warganegara, biasanya bermastautin di, atau mempunyai pertalian rapat dengan, Negara Brunei Darussalam;

(h) satu salinan undang-undang yang berkaitan bagi negara yang ditetapkan yang membuat peruntukan bahawa perbuatan-perbuatan yang kerananya hukuman telah dikenakan di negara yang ditetapkan menjadi suatu kesalahan jenayah mengikut undang-undang negara yang ditetapkan, atau akan menjadi suatu kesalahan jenayah jika dilakukan di dalam wilayahnya; dan

(i) apa-apa maklumat lain yang mungkin dikehendaki oleh Menteri untuk membolehkannya menimbangankan kewajaran pemindahan.

{11} Menteri hendaklah menyebabkan supaya banduan itu diberitahu secara bertulis mengenai apa-apa tindakan yang diambil atas suatu permintaan bagi pemindahan.

**Pembatalan waran.**

7. {1} Jika pada pendapat Menteri bahawa, bagi menguatkuasakan sebarang perjanjian yang telah, atau dianggap telah, dibuat dengan sebuah Negara asing,

adalah perlu bahawa suatu waran yang dikeluarkan di bawah Perintah ini dibatalkan atau diubah, maka dia boleh —

(a) membatalkan waran itu; atau

(b) membatalkan waran itu dan mengeluarkan suatu waran baru di bawah Perintah ini yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang menggantikan sebarang peruntukan waran terdahulu.

(2) Suatu waran yang dikeluarkan menurut cerai (1)(b) boleh membuat peruntukan bahawa —

(a) suatu peruntukan yang terkandung di dalamnya hendaklah disifatkan sebagai telah berkuatkuasa apabila peruntukan yang digantikan dengan peruntukan itu berkuatkuasa;

(b) apa-apa jua yang dilakukan di bawah atau bagi maksud-maksud peruntukan yang digantikan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan di bawah atau bagi maksud-maksud peruntukan yang terkandung dalam waran baru itu.

#### **Kesan pemindahan.**

8. (1) Jika seseorang banduan dipindahkan ke Negara Brunei Darussalam, suatu sabitan dan hukuman yang direkodkan oleh mahkamah di negara yang ditetapkan yang darinya dia telah dipindahkan hendaklah, tertakluk kepada cerai (2), dianggap bagi semua maksud sebagai suatu sabitan yang direkodkan dan suatu hukuman yang dikenakan oleh mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang layak di Negara Brunei Darussalam.

(2) Tertakluk kepada cerai (3), sabitan ke atas, dan hukuman yang dikenakan kepada, seseorang banduan pindahan tidaklah tertakluk kepada sebarang rayuan atau sebarang bentuk kajian semula di Negara Brunei Darussalam.

(3) Jika suatu hukuman yang dikenakan kepada seseorang banduan pindahan adalah kerana jenis atau tempohnya, bertentangan dengan undang-undang Negara Brunei Darussalam, dia boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi perubahan hukuman itu untuk menyelaraskannya dengan undang-undang Negara Brunei Darussalam, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar permohonan itu, memberikan pelepasan sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan.

(4) Prosiding dalam cerai (3) hendaklah diadakan dalam kamar dan Pendakwa Raya boleh hadir dengan kebenaran mahkamah.

(5) Jika Mahkamah memutuskan untuk mengubah hukuman yang dikenakan —

(a) ia hendaklah terikat dengan keputusan fakta yang terdapat dalam penghakiman yang dikenakan di negara yang ditetapkan;

(b) ia tidak boleh menukarkan sanksi yang melibatkan penafian kebebasan kepada sanksi kewangan;

(c) ia hendaklah menolak tempoh penuh penafian kebebasan yang dijalani oleh banduan itu;

(d) ia tidaklah terikat dengan sebarang tempoh minimum hukuman penjara yang diperuntukkan oleh undang-undang Negara Brunei Darussalam bagi kesalahan atau kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

**Bukti berdokumen.**

9. (1) Satu salinan yang diperakui bagi suatu penghakiman atau perintah lain yang disebut dalam bab 6(10)(c) hendaklah —

(a) diterima sebagai bukti kukuh mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya; dan

(b) berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu penghakiman atau perintah lain mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak di Negara Brunei Darussalam.

(2) Apa-apa dokumen yang dikehendaki di bawah Perintah ini untuk diperakui hendaklah, jika dokumen itu dikatakan telah diperakui atau ditandatangani oleh seseorang pegawai atau pihak berkuasa kehakiman atau oleh orang yang menjaga mana-mana institusi penal di negara di mana banduan itu ditahan, dan tanpa bukti tandatangan atau sifat rasmi orang yang dikatakan telah menandatangani atau memperakunya, diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(3) Suatu dokumen yang disebut dalam bab ini hendaklah, apabila diterima —

(a) disifatkan seolah-olah dokumen itu telah sempurna diperakui atau ditandatangani berkenaan dengan seseorang yang telah disabitkan dan dihukum di Negara Brunei Darussalam; dan

(b) tertakluk kepada Perintah ini, berkuatkuasa mengikut terma-terma dokumen itu.

**Penahanan banduan pindahan.**

10. (1) Tertakluk kepada bab ini, seseorang banduan pindahan hendaklah ditahan di sebuah penjara atau institusi lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri bagi bahagian hukumannya yang belum tamat tempohnya.

(2) Seseorang banduan pindahan yang merupakan seorang kanak-kanak atau orang muda dalam makna Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006 (S 9/2006) hendaklah ditangani mengikut umurnya menurut cerai (3).

(3) Seseorang banduan yang dikenakan cerai (2) hendaklah, menurut suatu waran dalam Borang 3 dalam Jadual yang dikeluarkan dengan tandatangan Menteri, dikemukakan di hadapan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan suatu kesalahan yang sama jenisnya dengan kesalahan yang atasnya dia telah disabitkan, dan mahkamah itu hendaklah menghukumnya —

(a) berdasarkan sabitan oleh mahkamah di negara yang ditetapkan;

(b) dengan mengambil kira jenis kesalahan itu;

(c) dengan mengambil kira apa-apa pemerhatian yang dibuat oleh mahkamah yang menyabitkan dalam menjatuhkan hukuman; dan

(d) menurut Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006 (S 9/2006).

(4) Seseorang banduan pindahan yang disebut dalam bab 6(9) hendaklah ditahan atau dikurung menurut undang-undang Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan pesalah-pesalah itu.

(5) Seseorang banduan pindahan yang sedang menjalani suatu tempoh hukuman penjara hendaklah —

(a) diberikan kredit dengan mengurangkan tempoh itu yang dia berhak pada tarikh pemindahannya menurut undang-undang berkenaan dengan pengurangan hukuman penjara di negara yang ditetapkan; dan

(b) selepas itu layak mendapat pengurangan tempoh itu seolah-olah dia telah dijatuhi suatu tempoh hukuman penjara yang sama panjangnya oleh sebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam.

(6) Sebarang pengurangan hukuman penjara yang disebut dalam cerai (5)(a) boleh dilucuthak kerana suatu kesalahan tatatertib seolah-olah ia adalah pengurangan yang didapati menurut cerai (5)(b).

**Parol dan pengampunan.**

11. (1) Jika seseorang banduan pindahan telah, sebelum pemindahannya, dibebaskan dengan parol di negara yang ditetapkan di mana dia telah disabitkan dan dihukum, dan parol itu kemudiannya dibatalkan, masa yang dihabiskan dalam parol hendaklah dikira bagi menyempurnakan hukumannya di Negara Brunei Darussalam.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai mengehendak hak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk mengurniakan pengampunan yang diperuntukkan dalam Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

(3) Jika hak pengampunan itu telah dijalankan di sebuah negara yang ditetapkan berkaitan dengan seseorang banduan pindahan, sebarang pengampunan yang dikurniakan menurutnya hendaklah, setakat mana hak itu dijalankan, berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu pengampunan yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada banduan pindahan itu berdasarkan Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

**BAHAGIAN IV**

**PEMINDAHAN DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Banduan asing.**

12. Dalam Bahagian ini, "banduan asing" bermakna seseorang banduan yang —

(a) bukan seorang warganegara Negara Brunei Darussalam;

(b) merupakan seorang warganegara, biasanya bermastautin di atau pada pendapat Menteri mempunyai pertalian rapat dengan, sebuah negara yang ditetapkan;

(c) telah disabitkan dan dihukum di Negara Brunei Darussalam bagi —

(i) suatu tempoh hukuman penjara di mana bahagian yang belum tamat tempohnya pada masa permohonan bagi pemindahan itu dibuat di bawah bab 13(2) adalah tidak kurang dari 6 bulan (termasuk tempoh pengurangan); atau

(ii) suatu tempoh hukuman penjara yang tidak ditentukan; dan

(d) tidak disabitkan dan dihukum kerana suatu kesalahan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Pengganti-Pengganti Baginda, Permaisuri Baginda atau ahli-ahli Kerabat Diraja yang lain.

**Pemindahan banduan asing dari Negara Brunei Darussalam.**

13. (1) Jika suatu perjanjian di antara Negara Brunei Darussalam dan sebuah negara yang ditetapkan telah, atau dianggap telah, dibuat bagi pemindahan banduan-banduan asing, Pengarah Penjara hendaklah menyebabkan supaya tiap-tiap banduan asing diberitahu dalam suatu bahasa yang difahaminya mengenai maksud perjanjian itu.

(2) Seseorang banduan asing yang sedang menjalani hukuman penjara di Negara Brunei Darussalam boleh memohon secara bertulis kepada Pengarah Penjara untuk dipindahkan ke sebuah negara yang ditetapkan.

(3) Menteri hendaklah, jika dia bersetuju dengan pemindahan itu, menyebabkan untuk dihantar kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara yang ditetapkan itu –

(a) permohonan yang dibuat oleh banduan asing itu atau satu salinannya yang diperakui;

(b) nama, tempat dan tarikh lahir atau, jika tarikh lahir tidak diketahui, anggaran umur banduan itu;

(c) satu salinan yang diperakui bagi penghakiman atau perintah lain mahkamah, berserta dengan satu salinan undang-undang yang atasnya ia didasarkan atau suatu pernyataan mengenai undang-undang itu;

(d) suatu pernyataan mengenai fakta-fakta dan hal keadaan yang atasnya sabitan dan hukuman atau perintah lain itu didasarkan;

(e) jenis hukuman, jika ada, tarikh hukuman itu bermula dan tempohnya;

(f) jika berkenaan, sebarang laporan perubahan atau laporan lain mengenai banduan asing itu termasuk suatu laporan mengenai rawatannya di Negara Brunei Darussalam berserta dengan sebarang sokongan bagi rawatan lanjut di negara yang ditetapkan itu;

(g) suatu dokumen atau pernyataan yang menunjukkan bahawa banduan itu adalah seorang warganegara, biasanya bermastautin di, atau mempunyai pertalian rapat dengan, negara yang ditetapkan itu;

(h) suatu pernyataan yang menunjukkan tempoh hukuman yang telah pun dijalani, termasuk maklumat mengenai sebarang penahanan sebelum perbicaraan, pengurangan dan apa-apa faktor lain yang berkaitan dengan pelaksanaan hukuman itu;

(i) apa-apa maklumat lain yang diminta oleh negara yang ditetapkan itu.

(4) Jika negara yang ditetapkan itu bersetuju dengan pemindahan tersebut, Menteri hendaklah mengeluarkan suatu waran dalam Borang 4 dalam Jadual yang membenarkan pemindahan tersebut.

(5) Jika pihak berkuasa yang bertanggungjawab membuat suatu permintaan secara bertulis kepada Menteri bagi pemindahan seseorang banduan asing kepada sebuah negara yang ditetapkan, Menteri hendaklah –

(a) mengarahkan Pengarah Penjara untuk memastikan sama ada banduan asing itu bersetuju dengan pemindahan tersebut dan, jika demikian, sama ada dia berbuat demikian dengan sukarela dan mengetahui sepenuhnya tentang akibat-akibatnya di sisi undang-undang;

(b) menyebabkan untuk dihantar kepada pihak yang bertanggungjawab –

(i) butir-butir dan jenis dokumen yang dinyatakan dalam cerai (3);

(ii) suatu pengakuan yang mengandungi persetujuan banduan asing itu dengan pemindahan tersebut;

(c) jika dia bersetuju dengan pemindahan tersebut, mengeluarkan suatu waran dalam Borang 4 dalam Jadual yang membenarkan pemindahan tersebut.

(6) Suatu waran yang dikeluarkan di bawah cerai-cerai (4) atau (5) hendaklah membenarkan banduan asing itu dibawa dari tempat tahanannya ke suatu tempat berlepas di Negara Brunei Darussalam dan penyerahannya di tempat itu ke dalam jagaan pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara di mana banduan asing itu akan dipindahkan.

(7) Pengarah Penjara hendaklah menyebabkan supaya banduan asing itu diberitahu secara bertulis mengenai apa-apa tindakan yang diambil atas suatu permintaan bagi pemindahan.



**BAHAGIAN V****AM****Banduan dalam jagaan yang sah semasa pemindahan.**

14. (1) Jika seseorang banduan dipindahkan ke atau dari Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah ini, dia hendaklah dianggap sebagai dalam jagaan yang sah orang yang telah dibenarkan menemaninya semasa pemindahan tersebut.

(2) Jika seseorang banduan yang disebut dalam cerai (1) melarikan diri dari jagaan yang sah itu, dia boleh ditangkap di mana-mana bahagian Negara Brunei Darussalam mengikut cara sama seperti seseorang yang melarikan diri dari jagaan di bawah suatu waran yang dikeluarkan bagi penangkapannya di Negara Brunei Darussalam.

**Penamatan hukuman.**

15. (1) Jika seseorang banduan sedang menjalani suatu hukuman di Negara Brunei Darussalam berikutan dengan pemindahannya di bawah Perintah ini, dan Menteri berpuas hati bahawa negara yang ditetapkan yang darinya dia telah dipindahkan telah menjalankan kuasa untuk mengampunkan atau sebarang kuasa lain yang menjadikan hukuman itu tidak lagi boleh dikuatkuasakan di negara itu, atau bahawa hukuman itu telah selesai, maka banduan itu tidak lagi tertakluk kepada penahanan hanya kerana hukuman itu.

(2) Jika seseorang banduan sedang menjalani suatu hukuman di sebuah negara yang ditetapkan berikutan dengan pemindahannya dari Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah ini, dan kuasa untuk mengampunkan atau sebarang kuasa lain yang menjadikan hukuman itu tidak lagi boleh dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam telah dijalankan, atau hukuman itu telah selesai, Menteri hendaklah dengan serta-merta memberitahu negara yang ditetapkan yang kepadanya banduan itu telah dipindahkan bahawa dia tidak lagi tertakluk kepada penahanan hanya kerana hukuman itu.

**Kos pemindahan banduan.**

16. (1) Tertakluk kepada bab ini, kos pemindahan seseorang banduan di bawah Perintah ini hendaklah dibayar oleh Negara Brunei Darussalam dan oleh negara yang ditetapkan pada suatu kadar sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh mereka dan hendaklah, dalam hal Negara Brunei Darussalam, dibayar dari Kumpulanwang Yang Disatukan.

(2) Tertakluk kepada cerai (4), dalam hal pemindahan seseorang banduan ke Negara Brunei Darussalam, perbelanjaan pemindahan tersebut hendaklah ditanggung oleh banduan itu atau oleh seseorang bagi pihaknya, dan

bagi tujuan ini Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki seseorang dengan atau tanpa seorang penjamin untuk memberikan suatu akujanji untuk membayar perbelanjaan itu kepada Menteri.

(3) Sebarang perbelanjaan yang disebut dalam cerai (2) hendaklah dianggap sebagai suatu hutang sivil yang terhutang kepada Kerajaan.

(4) Cerai (2) tidaklah dikenakan jika pada pendapat Menteri bahawa adalah tidak munasabah baginya untuk menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai itu kerana —

(a) hal keadaan kes itu yang luar biasa; atau

(b) pendapatan banduan itu tidak mencukupi untuk membayar perbelanjaan tersebut, dan untuk mendapatkannya balik, sama ada dengan segera atau pada masa hadapan, daripada banduan itu atau dari sebarang sumber lain, adalah tidak dapat dilakukan.

**Transit.**

17. (1) Jika —

(a) sebuah negara yang ditetapkan telah bersetuju dengan sebuah negara ketiga untuk memindahkan seseorang banduan ke dalam atau keluar dari wilayahnya menurut suatu penyusunan berkenaan dengan pemindahan banduan-banduan yang telah disabitkan; dan

(b) negara itu meminta kebenaran bagi banduan itu dan mana-mana pegawai pengiring untuk mendarat dan transit di Negara Brunei Darussalam dalam masa perjalanan pemindahan itu,

maka Menteri hendaklah, tertakluk kepada cerai (2), mengeluarkan kebenarannya bagi transit dalam Borang 5 dalam Jadual.

(2) Menteri boleh enggan mengeluarkan kebenaran transit jika —

(a) orang yang meminta untuk dipindahkan adalah seorang warganegara Negara Brunei Darussalam;

(b) kesalahan yang atasnya hukuman itu dikenakan adalah bukan suatu kesalahan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam; atau

(c) orang yang dipindahkan itu adalah orang yang dikehendaki di Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan sebarang kesalahan terhadap undang-undang Negara Brunei Darussalam.

(3) Kebenaran yang dikeluarkan di bawah cerai (1) hendaklah membenarkan penahanan banduan itu dalam kurungan di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh masa yang diperlukan dengan munasabah untuk memudahkan pemindahan di antara negara yang meminta dan negara destinasi.

(4) Seseorang yang dipindahkan menurut kebenaran yang dikeluarkan di bawah cerai (1) tidak boleh, semasa berada di Negara Brunei Darussalam, ditahan atau pun selainnya tertakluk kepada sebarang sekatan ke atas kebebasannya berkaitan dengan suatu kesalahan yang dilakukan atau hukuman yang dikenakan sebelum dia berlepas dari negara yang menghukumnya.

**Peraturan-peraturan.**

18. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

JADUAL

BORANG 1  
(bab 6(3)/b))

PERINTAH PEMINDAHAN BANDUAN ANTARABANGSA, 2011  
WARAN JAGAAN BANDUAN APABILA DIMINTA

Kepada: Pengarah Penjara

BAHAWASANYA —

- (a) Menurut suatu permintaan bagi pemindahan di bawah bab 6(1) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011 yang dibuat oleh ..... (nama negara yang ditetapkan), saya telah bersetuju dengan pemindahan ..... (nama orang) ke Negara Brunei Darussalam;
- (b) ..... (nama negara yang ditetapkan) telah bersetuju untuk mengaturkan bagi pemindahan ..... (nama orang) dari ..... (nama negara yang ditetapkan) ke Negara Brunei Darussalam;
- (c) Selepas pemindahan tersebut, ..... (nama orang) akan dibawa oleh orang yang diberi kuasa itu ke ..... (Penjara Jerudong/Maraburong) untuk menjalani tempoh selebihnya dari hukuman penjaranya selama ..... tahun ..... bulan; dan
- (d) ..... (nama orang) telah bersetuju dengan bebas untuk dipindahkan ke Negara Brunei Darussalam.

OLEH YANG DEMIKIAN maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh bab 6(3)/b) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011, saya dengan ini mengarahkan tuan untuk menerima ..... (nama orang) ke dalam jagaan tuan di ..... (nama negara asing) dan untuk membawanya dalam jagaan ke Negara Brunei Darussalam dan di sana menahannya dengan selamat dalam jagaan ..... untuk ditangani selanjutnya menurut peruntukan-peruntukan Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011.

Bertarikh pada hari ini ..... haribulan ..... 2011.

*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.*

**BORANG 2**  
(bab 6(7))

**PERINTAH PEMINDAHAN BANDUAN ANTARABANGSA, 2011**  
**WARAN JAGAAN BANDUAN APABILA DIMINTA DARI**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kepada: Pengarah Penjara

BAHAWASANYA —

- (a) Suatu permintaan bagi pemindahan di bawah bab 6(7) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011 telah dibuat untuk memindahkan ..... (nama orang), yang pada masa ini adalah seorang banduan di ..... (nama negara yang ditetapkan), ke Negara Brunei Darussalam;
- (b) Menurut permintaan tersebut, ..... (nama negara yang ditetapkan) telah bersetuju untuk mengaturkan bagi pemindahan ..... (nama orang) ke Negara Brunei Darussalam baginya menjalani tempoh selebihnya dari hukuman penjaranya selama ..... tahun ..... bulan di Negara Brunei Darussalam; dan
- (c) ..... (nama orang) telah bersetuju dengan bebas untuk dipindahkan ke Negara Brunei Darussalam.

OLEH YANG DEMIKIAN maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh bab 6(5) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011, saya dengan ini mengarahkan tuan untuk menerima ..... (nama orang) ke dalam jagaan tuan di ..... (nama negara asing) dan untuk membawanya dalam jagaan ke Negara Brunei Darussalam dan di sana menahannya dengan selamat dalam jagaan ..... untuk ditangani selanjutnya menurut peruntukan-peruntukan Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011.

Bertarikh pada hari ini ..... haribulan ..... 2011.

*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.*

BORANG 3  
(bab 10(3))

PERINTAH PEMINDAHAN BANDUAN ANTARABANGSA, 2011  
WARAN UNTUK MENGEMUKAKAN

Kepada: Pengarah Penjara

BAHAWASANYA --

- (a) Menurut suatu permohonan bagi pemindahan di bawah bab 6(1) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011 / suatu permintaan bagi pemindahan di bawah bab 6(1) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011 (*potong mana yang berkenaan*), yang dibuat oleh ..... (nama negara yang ditetapkan), saya telah bersetuju dengan pemindahan ..... (nama orang) ke Negara Brunei Darussalam;
- (b) ..... (nama orang) telah bersetuju dengan bebas untuk dipindahkan ke Negara Brunei Darussalam;
- (c) Selepas pemindahan tersebut, ..... (nama orang) telah ditahan dalam kurungan di Penjara Jerudong / Maraburong (*potong mana yang berkenaan*) sejak ..... (tarikh apabila banduan ditahan dalam kurungan).

OLEH YANG DEMIKIAN maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh bab 10(3) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011, saya dengan ini mengarahkan tuan untuk mengemukakan ..... (nama orang) di hadapan sebuah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk ditangani menurut peruntukan-peruntukan ..... [*masukkan bab undang-undang yang berkaitan*] .....

Bertarikh pada hari ini ..... haribulan ..... 2011.

*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.*

**BORANG 4**  
(bab 13(4))

**PERINTAH PEMINDAHAN BANDUAN ANTARABANGSA, 2011**  
**WARAN PEMINDAHAN BANDUAN ASING DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**APABILA DIPOHONKAN ATAU DIMINTA**

Kepada: Pengarah Penjara

**BAHAWASANYA –**

- (a) Menurut suatu permohonan bagi pemindahan yang dibuat di bawah bab 13(2) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011 / suatu permintaan bagi pemindahan yang dibuat di bawah bab 13(5) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011 (*potong mana yang berkenaan*) untuk memindahkan ..... (nama orang) yang pada masa ini adalah seorang banduan di Negara Brunei Darussalam, ke ..... (nama negara yang ditetapkan);
- (b) ..... (nama negara yang ditetapkan) telah bersetuju untuk mengaturkan bagi pemindahan ..... (nama orang) ke ..... (nama negara yang ditetapkan) dari Negara Brunei Darussalam baginya menjalani tempoh selebihnya dari tempoh hukuman penjaranya selama ..... tahun ..... bulan; dan
- (c) ..... (nama orang) telah bersetuju dengan bebas untuk dipindahkan ke ..... (nama negara yang ditetapkan yang membuat permintaan bagi pemindahan).

OLEH YANG DEMIKIAN maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh bab 13(4) dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011, saya dengan ini membenarkan pemindahan tersebut dan mengarahkan tuan untuk membawa ..... (nama orang) dari ..... (nama tempat tahanan) ke ..... (tempat berlepas) ke dalam jagaan pihak berkuasa yang bertanggungjawab di ..... (nama negara yang ditetapkan).

Bertarikh pada hari ini ..... haribulan ..... 2011.

*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.*

BORANG 5  
(bab 17(1))

PERINTAH PEMINDAHAN BANDUAN ANTARABANGSA, 2011  
KEBENARAN TRANSIT BAGI BANDUAN PINDAHAN

Kepada: Pengarah Penjara

BAHAWASANYA —

- (a) Menurut suatu permohonan bagi pemindahan yang dibuat oleh ..... (nama negara yang ditetapkan yang membuat permintaan bagi pemindahan) untuk memindahkan ..... (nama orang) yang pada masa ini adalah seorang banduan di ..... (nama negara yang menjaga banduan), ke ..... (nama negara yang membuat permintaan bagi pemindahan);
- (b) ..... (nama negara yang ditetapkan yang menjaga banduan) telah bersetuju untuk mengaturkan bagi pemindahan ..... (nama orang) ke ..... (nama negara yang ditetapkan yang membuat permintaan bagi pemindahan);
- (c) ..... (nama orang) telah bersetuju dengan bebas untuk dipindahkan ke ..... (nama negara yang ditetapkan yang membuat permintaan bagi pemindahan); dan
- (d) ..... (nama negara yang menjaga banduan) telah meminta kebenaran bagi ..... (nama orang) dan seorang pegawai pengiring yang diberi kuasa untuk mendarat dan transit di Negara Brunei Darussalam dalam masa perjalanan pemindahan tersebut.

OLEH YANG DEMIKIAN maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh bab 17 dari Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa, 2011, saya dengan ini membenarkan transit tersebut dan mengarahkan tuan untuk menerima ..... (nama orang) ke dalam jagaan tuan di ..... Penjara Jerudong / Maraburong (*potong mana yang berkenaan*) bagi tempoh masa yang diperlukan dengan munasabah untuk memudahkan pemindahan di antara ..... (nama negara yang ditetapkan yang menjaga banduan) dan ..... (nama negara yang ditetapkan yang membuat permintaan bagi pemindahan).

Bertarikh pada hari ini ..... haribulan ..... 2011.

*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.*



Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 20 haribulan April, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**